

## Kefahaman Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) tentang Dialog antara Agama

Ahmad Faizuddin bin Ramli<sup>1</sup> dan Jaffary Awang<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
UKM Bangi, Selangor

### ABSTRAK

Kewujudan masyarakat pluralistik dalam aspek agama, bangsa dan budaya memerlukan suatu wadah bagi membina persefahaman dan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan suasana masyarakat beragama di Malaysia, dialog antara agama dilihat sebagai wadah yang efektif untuk dibudayakan dalam segenap lapisan masyarakat. Dalam konteks semasa, pengamalan dialog antara agama lazimnya diterajui oleh NGO Islam, antaranya di Pulau Pinang adalah IPSI. Artikel ini membincangkan tahap kefahaman IPSI tentang dialog antara agama. Reka bentuk kajian adalah bersifat kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan tinjauan sebagai metode utama kajian. Seramai 60 orang dalam kalangan ahli IPSI telah terlibat sebagai responden. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman responden dalam dialog antara agama adalah baik ( $M = 4.13$ ). Dasar kefahaman IPSI adalah melihat dialog antara agama sebagai suatu metode dalam dakwah dengan bertujuan untuk mengajak penganut bukan Islam menerima Islam sebagai anutan. Selain itu, IPSI juga memahami dialog sebagai metode untuk membina persefahaman dalam kalangan masyarakat beragama.

**Kata kunci:** Dialog antara agama, dakwah, IPSI, kefahaman dialog, toleransi beragama.

### 1.0 PENGENALAN

Dialog antara agama secara asasnya difahami sebagai suatu bentuk interaksi yang berlaku antara dua pihak atau lebih dalam kalangan penganut agama. Ramli Awang (2008), mendefinisikan dialog antara agama sebagai proses awal komunikasi langsung antara tokoh agama bertujuan membangun masa depan yang damai dan harmoni melalui komitmen yang tinggi dan sikap saling

---

<sup>1</sup>E-mel: faizassyirazi@gmail.com

menghargai atas kepelbagaian agama. Definisi ini tidak jauh daripada yang dikemukakan oleh Kamar Oniah Kamaruzaman (2010) dalam karyanya berjudul *Religion and Pluralistic Co-Existence*, bahawa dialog antara agama merujuk kepada perbincangan dan wacana yang melibatkan pelbagai komuniti agama, untuk memahami persepsi dan pendirian berhubung dengan sesuatu isu atau menyelesaikan masalah yang wujud dalam kalangan mereka. Melalui dialog yang berlangsung, kerjasama antara agama yang lebih praktikal dapat dibina dalam perkara-perkara yang melibatkan kebaikan bersama. Dialog antara agama lebih bermakna jika wakil agama yang hadir adalah daripada pihak yang berautoriti dalam agamanya.

Pemaknaan 'dialog antara agama' di atas sedikit berbeza dengan kenyataan Ghazali Basri (2009) yang mendefinisikan dialog antara agama sebagai kesediaan dan keupayaan satu-satu kelompok agama itu memberi reaksi terhadap sebarang isu berbangkit, sama ada ia melibatkan kelompoknya sendiri atau orang lain. Kesediaan di sini membawa makna kejujuran serta keikhlasan wujud pada pihak yang berdialog, justeru tidak ada agenda tersembunyi atau tersirat di dalamnya. Oleh sebab itu, dialog bukan dakwah atau misi. Keupayaan pula membawa makna kemampuan ilmu pengetahuan tentang isu-isu berbangkit dalam kalangan penganut agama. Dalam memberikan reaksi, ia hendaklah mengambil kira kepentingan bersama dan dialog dilakukan menerusi perundingan dan persetujuan. Dalam hal-hal yang tidak dapat dipersetujui bersama, hendaklah ada sikap berlapang dada dan saling menghormati antara satu sama lain. Di sini persefahaman, rasa hormat, serta empati yang tinggi terhadap rakan dan kelompok dialog dapat dibentuk. Dengan erti kata lain, Ghazali Basri pada dasarnya turut bersetuju bahawa dialog antara agama melibatkan kelompok beragama, namun ia perlu disertai dengan rasa ikhlas untuk berdialog tanpa mengandungi agenda lain.

Turut berpandangan sedemikian adalah Garfinkel (2004), bahawa dialog antara agama adalah perbualan antara pihak yang berbeza agamanya. Perbualan yang berlaku mempunyai maksud yang meluas dan tidak terhad kepada pertukaran lisan semata-mata. Gagasan dialog antara agama merangkumi pelbagai jenis perbualan, penetapan, matlamat dan format. Dialog antara agama tidak bertujuan untuk menjadi perdebatan, tetapi untuk saling memahami, tidak bersaing dalam menyelesaikan masalah bersama, tidak bersifat dakyah terhadap penganut agama lain.

Berdasarkan perbincangan di atas, dialog antara agama dapat dirumuskan sebagai suatu bentuk perbualan antara pelbagai penganut agama dengan sesuatu tujuan, iaitu memahami dan mempelajari tentang pihak lain khususnya daripada sudut pandangan mereka dalam sesuatu isu. Proses dialog yang berlangsung

akan membawa kepada pembinaan persefahaman terhadap persamaan dan perbezaan antara pihak yang berdialog dengan disertai rasa hormat dan sikap toleransi. Dialog yang berlaku lazimnya bergantung kepada objektif yang ingin dicapai dalam sesebuah dialog, sama ada untuk membincangkan isu keagamaan atau sejagat. Setiap penganut agama mempunyai hak untuk berkongsi pandangan dan perspektif dengan penganut agama lain asalkan ia mematuhi adab dan etika dalam berdialog.

## **2.0 KAEDAH**

Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan kuantitatif dan kualitatif. Metode kualitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian ini telah dibina berdasarkan objektif kajian dan mendapat kesahan daripada ahli penyelidik di Jabatan Usuluddin dan Falsafah dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, manakala ujian kebolehpercayaan yang telah dijalankan melibatkan 30 orang responden daripada ahli akademik dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia secara rawak mudah kerana mereka didapati mempunyai item-item yang sama dengan populasi kajian. Nilai *alpha cronbach* yang diperoleh adalah sebanyak 0.907. Kajian ini melibatkan 60 responden yang terdiri daripada ahli IPSI, Pulau Pinang. Bagi metode kuantitatif, kaedah temu bual dijalankan terhadap dua pemimpin pertubuhan. Responden pertama ialah Kamaruddin Abdullah merangkap Presiden IPSI, manakala responden yang kedua Mohamed Sirajuddin Mohamed Kamal selaku bendahari pertubuhan. Temu bual yang dijalankan adalah secara separa struktur iaitu penyelidik menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh setiap tokoh dianalisis berdasarkan data yang diperoleh. Selain itu, penyelidik turut melihat kepada dokumen yang berkaitan pertubuhan termasuklah buletin rasmi dan laman sesawang pertubuhan.

## **3.0 KEPUTUSAN**

### **3.1 Demografi**

Jadual di bawah menunjukkan latar belakang diri responden IPSI yang terdiri daripada item jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, bidang jurusan di institut pengajian tinggi dan pekerjaan semasa. Berhubung dengan jantina, jumlah responden perempuan adalah lebih tinggi dengan jumlah peratusan sebanyak 56.7, manakala responden lelaki adalah 43.3. Pada item kedua, bangsa Melayu menjadi majoriti responden dengan peratusan sebanyak 88.3, manakala

selebihnya terdiri daripada bangsa Cina (3.3%), India (6.7%) dan Iban (1.7%). Berhubung dengan item ketiga, responden yang mempunyai kelulusan Sarjana Muda mencatatkan peratusan terbanyak, iaitu 48.3 peratus diikuti dengan SMP/STPM (30%), Sarjana (11.7%), Diploma (8.3%), dan PhD (1.7%), manakala pada item pekerjaan, kebanyakan responden adalah terdiri daripada kalangan pelajar dengan jumlah peratusan sebanyak 50 peratus, diikuti pekerja swasta (20%), bekerja secara bersendirian (11.7%), suri rumah (6.7%), pekerja kerajaan (5%) dan pesara (3.3%).

**Jadual 1 : Demografi Sampel Kajian**

Demografi	N	Faktor	Peratus
Jantina	26	Lelaki	43.3
	34	Perempuan	56.7
Bangsa	53	Melayu	88.3
	2	Cina	3.3
	4	India	6.7
	1	Iban	1.7
	1	PhD	1.7
Kelulusan Akademik Tertinggi	7	Sarjana	11.7
	29	Sarjana Muda	48.3
	5	Diploma	8.3
	18	SPM/STPM	30
	Bidang Jurusan di IPT	1	Agama
7		Sastera & Sains Sosial	11.7
18		Sains & Sains Ikhtisas	30
16		Sains Kesihatan & Perubatan	26.7
1		Ekonomi	1.7
Pekerjaan Semasa	1	Pentadbiran Awam	1.7
	3	Kerajaan	5
	12	Swasta	20
	7	Persendirian	11.7
	2	Pesara	3.3
	4	Suri rumah	6.7
	30	Pelajar	50

Sumber: Soal Selidik 2012

### 3.2 Kefahaman

Jadual di bawah menunjukkan item, min dan tahap kefahaman responden terhadap dialog antara agama. Sebanyak sembilan item soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini dan keseluruhan min berada di tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa item yang mempunyai nilai min yang tertinggi adalah item ‘Dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza.’ ( $M = 4.54$ ), diikuti dengan ‘Program dialog antara agama terbuka kepada semua’ ( $M = 4.35$ ), manakala item yang mempunyai nilai min terendah adalah “Dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama” ( $M = 3.73$ ). Keseluruhan jumlah min dalam bahagian ini adalah 4.13, iaitu pada tahap tinggi.

**Jadual 2: Tahap Kefahaman**

Item	Min	Tahap
Dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza.	4.54	Tinggi
Dialog antara agama bertujuan untuk memupuk sikap menghormati kepercayaan dan amalan agama lain.	4.25	Tinggi
Dialog antara agama menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional.	4.28	Tinggi
Semakin komited seseorang terhadap agamanya, semakin tinggi sikap menghormati agama lain.	4.22	Tinggi
Dialog antara agama adalah satu proses untuk memahami kepercayaan dan amalan agama lain.	4.08	Tinggi
Matlamat dialog antara agama adalah untuk membincangkan isu-isu agama.	3.77	Sederhana Tinggi
Program dialog antara agama terbuka kepada semua.	4.35	Tinggi
Dialog antara agama meliputi aspek sosial, politik, sains dan ekonomi.	4.05	Tinggi
Dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama	3.73	Sederhana Tinggi
Purata min	4.13	Tinggi

Sumber: Soal Selidik 2012

#### 4.0 PERBINCANGAN

IPSI merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang berasaskan kepada pertubuhan dakwah, iaitu bertujuan mengajak penganut agama lain untuk menerima Islam sebagai agama anutan. Pertubuhan ini digagaskan oleh Kamaruddin Abdullah pada tahun 1995 sebagai sebuah resolusi daripada pertemuan beliau dengan Ahmad Deedat (1918-2005) pada tahun tersebut. Penglibatan IPSI dalam dialog antara agama bermula secara tidak rasmi pada tahun 1994 melalui aktiviti dakwah yang dijalankan terhadap non-Muslim yang datang berkunjung ke Masjid Kapitan Keling bersempena Hari Warisan Penang setiap tahun. Walau bagaimanapun, aktiviti dialog yang dijalankan adalah terbatas dan kurang aktif kerana kekurangan sukarelawan. Di samping itu, aktiviti dialog yang dijalankan adalah tidak bersifat rasmi. Menjelang tahun 2000, IPSI mula mengorak langkah yang lebih jauh dengan mula bergerak secara berperingkat dan aktif dalam menerajui aktiviti dialog antara agama khususnya di Pulau Pinang. Sikap kesungguhan dan komitmen yang ditonjolkan oleh IPSI akhirnya membawa kepada tertubuhnya pertubuhan tersebut secara rasmi pada tahun 2004, seterusnya merencanakan aktiviti dakwah mereka kepada non-Muslim dalam pelbagai metode dan pendekatan yang didasari dengan beberapa bentuk kefahaman.

Berhubung dengan komponen kefahaman ahli pertubuhan dalam dialog antara agama, dapatan menunjukkan bahawa tahap min bagi keseluruhan adalah tinggi ( $M = 4.141$ ). Ini bermaksud, secara umumnya ahli IPSI mempunyai tahap kefahaman yang baik dalam dialog antara agama. Hal ini mungkin berkait rapat dengan latar belakang responden yang kebanyakannya golongan terpelajar dan profesional. Lebih jelas lagi, demografi responden menunjukkan lebih dari separuh responden mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas. Selain itu, jurusan yang diceburi oleh responden yang kebanyakannya adalah daripada aliran Sains membawa makna responden lebih terdedah kepada pergaulan sosial dengan pelbagai agama dan budaya.

Walaupun bagaimanapun kepada pecahan komponen pula, dapatan menunjukkan responden bersetuju dengan item, 'dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza' dengan mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi ( $M = 4.54$ ). Hal ini selaras dengan pandangan Presiden IPSI Kamaruddin Abdullah dan Sirajuddin Mohamad Kamel merangkap Bendahari pertubuhan, bahawa dialog adalah suatu perbualan di mana setiap penganut agama menceritakan mengenai agama mereka serta menawarkan solusi kepada permasalahan yang berlaku menerusi perspektif agama. Secara asasnya, ahli pertubuhan memiliki kefahaman yang jelas mengenai maksud dialog, selaras

dengan item yang dinyatakan. Kefahaman responden mengenai konsep dialog antara agama tidak jauh dengan apa yang dibincangkan dalam kalangan sarjana.

Dialog antara agama secara asasnya dapat difahami sebagai suatu interaksi perbualan antara penganut agama dalam memahami sesuatu isu (Kamar Oniah Kamaruzaman, 2010) dalam membina hubungan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Dialog antara agama yang dilangsungkan bertujuan untuk membina persefahaman antara penganut agama dari kepelbagaian yang wujud, seterusnya dapat membina sikap keterbukaan, sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain (Ramli Awang, 2008). Hal ini menunjukkan kefahaman responden yang jelas terhadap konsep dialog membawa kepada pengetahuan tentang matlamat dialog, iaitu untuk memupuk sikap hormat antara pelbagai agama. Dalam dialog juga, berlaku proses untuk memahami kepercayaan dan agama lain, selaras dengan item 'dialog antara agama adalah satu proses untuk memahami kepercayaan dan amalan agama lain' responden IPSI yang mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi ( $M = 4.08$ ). Dapatan ini selaras dengan kenyataan Presiden IPSI Kamaruddin Abdullah bahawa dialog antara agama bertujuan untuk memahami sesuatu isu dalam perspektif pelbagai agama.

Dalam memahami kepercayaan dan amalan agama lain, perbincangan isu-isu agama dilihat sebagai sebahagian dari matlamat dalam dialog, seperti dalam item 'matlamat dialog antara agama adalah untuk membincangkan isu-isu agama' ( $M = 3.77$ ). Walau bagaimanapun, Tveit (2007) dalam karyanya yang berjudul *When Believers Meet: a Study Guide on Interreligious Dialogue* berpendapat bahawa dialog antara agama lebih relevan untuk membincangkan isu-isu sejagat, yang lebih berpotensi untuk mencari titik persamaan berbanding dengan isu-isu agama. Hal ini demikian kerana perbincangan isu-isu agama mengundang perbezaan dan konflik antara penganut agama. Pandangan yang hampir sama turut ditekankan oleh Leukel (2010) bahawa dialog seharusnya ditumpukan kepada persamaan, khususnya isu etika seperti keganasan, ekonomi, sosial, krisis ekologi dan seumpamanya berbanding dengan isu-isu bersifat agama yang lazimnya membawa kepada kegagalan.

Mencermati kedua-dua pandangan tersebut, penyelidik berpendapat bahawa perbincangan isu-isu agama tidak dapat dilakukan dalam sesebuah dialog, sama ada perbincangan tersebut bersifat umum atau khusus. Signifikannya, dalam kalangan pihak yang berdialog lazimnya terdiri dalam kalangan pihak yang beragama, yang demikian adalah mustahil untuk mereka mengabaikan sebarang pandangan dan tindakan yang mempunyai unsur keagamaan. Jika diperhalusi kembali, penolakan sebahagian sarjana terhadap perbincangan isu-isu agama adalah lebih kepada isu yang bersifat fundamental yang sensitif untuk

dibincangkan dalam kalangan penganut agama. Hal ini mungkin ada benarnya kerana menurut Siddiqui (1997), perbincangan isu agama yang perlu di jauhi adalah yang bersifat teologi, sementara isu-isu yang bersifat etika perlu ditekankan. Lebih jelas lagi, Azizan Baharuddin (2008) menegaskan bahawa aspek yang bersabit dengan *articles of faith* tidak boleh disentuh dalam dialog, berbanding dengan dimensi inter-personal atau pun dimensi sosial sesebuah agama.

Seterusnya, pada item 'dialog antara agama meliputi aspek sosial, politik, sains dan ekonomi' tahap persetujuan responden adalah tinggi ( $M = 4.05$ ). Ini selaras dengan kenyataan Presiden IPSI, Kamaruddin Abdullah dan Bendahari pertubuhan Sirajuddin Mohamed Kamil bahawa perbincangan dalam dialog antara agama merangkumi pelbagai isu, sama ada isu sosial, politik, kekeluargaan, ekonomi, keamanan dan seumpamanya selagi mana ia tidak menyentuh sensitiviti penganut agama lain. Selaras dengan objektif dialog untuk membina persefahaman antara penganut dalam sesuatu perkara, perbincangan tentang hak-hak yang berkait dengan situasi semasa wajar ditumpukan oleh pendialog tanpa bersikap selektif terhadap isu-isu tertentu.

Walau bagaimanapun, pada item 'dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama' mencatatkan tahap persetujuan yang sederhana ( $M = 3.73$ ) daripada responden. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat sebahagian ahli pertubuhan kurang bersetuju tentang hubungan dialog dengan tuntutan agama. Bagi Kamaruddin Abdullah, beliau melihat dialog sebagai tuntutan agama kerana ia merupakan salah satu metode dakwah kepada masyarakat non-Muslim. Dalam perspektif Islam, perbahasan mengenai dialog dan dakwah dibincangkan secara meluas dalam kalangan ilmuwan Islam menerusi bentuk dialog yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis, umpamanya dialog para Nabi dengan kaumnya yang musyrik, dialog dengan Ahli Kitab (Al-Zayn, 2005 & Tantawi, 1997). Hal ini selaras dengan tujuan dialog itu sendiri adalah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia (Al-Qasim 1994; Ahmad Zamri 1994; al-Syathari 2006), bahkan terdapat hubungan yang signifikan antara dialog dengan dakwah (Mohammad Said Mitwally Ibrahim, 2010). Al-Qasim (1994) dalam hal ini bagaimanapun membahagikan bentuk dialog kepada dua; Pertama, dialog yang disyariatkan yang merujuk kepada dakwah dan perlaksanaannya hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut: i) bertujuan mengajak kepada ajaran Islam; ii) bertujuan menerangkan kebatilan dan penyelewengan ajaran penganut agama lain; iii) bertujuan menolak keraguan penganut agama lain terhadap Islam; iv) bertujuan meneguhkan pendirian orang Mukmin; v) bertujuan menunjukkan baiknya syariat Islam. Adapun bentuk yang kedua adalah dialog yang tidak disyariatkan berasaskan tiga aspek: i) bertujuan mentaati dan mencintai penganut agama lain atas dasar



pegangan; ii) bertujuan merapatkan agama; iii) bertujuan membenarkan amalan dakyah mereka ke atas orang lain. Turut menghubungkan konsep dialog sebahagian dari dakwah adalah Siddiqui (1997) dalam sebuah kenyataannya yang menyebut:

*“Dialogue is a part of da’wah as it generates better understanding between the groups. In dialogue, the context especially the position of the other party has got to be studied and understood. Da’wah may not take the context into consideration though to be effective da’wah must do that. In any case, in today’s context, both dialogue and da’wah are closely related activities.”*

Perkara ini mempunyai asas yang kukuh jika melihat kepada banyaknya bentuk dialog dalam al-Quran yang memberi reaksi kepada isu kepercayaan dan agama (Abdullah 2007) dengan tujuan dakwah. Menurut Muhammad Sayyid Tantawi (1997), bentuk dialog yang diperlihatkan oleh al-Quran yang mengandungi maksud dakwah berlangsung berlaku dalam dua keadaan, sama ada untuk memuji dalam kalangan Ahli Kitab yang beriman atau untuk menempelak mereka yang menyimpang. Hal ini dapat diperhatikan menerusi dialog para Rasul terhadap kaumnya yang menganut pelbagai anutan seperti yang dirakamkan oleh al-Quran, antaranya dalam Surah Aali 'Imran (3: 64) yang memerihalkan dialog Nabi SAW dengan tujuan mengajak Ahli Kitab supaya beriman kepada Allah SWT.

Namun begitu, terdapat dalam kalangan sarjana Islam yang membezakan konsep dakwah dengan dialog. Hal ini demikian kerana dakwah itu sering disalah ertikan sebagai suatu usaha untuk menukarkan (*conversion*) dan mengubah kepercayaan pihak lain supaya menerima Islam. Implikasinya boleh menimbulkan rasa kurang senang antara penganut agama kerana terdapat unsur ancaman kepada pegangannya. Ini ditegaskan lagi oleh Seyed Hossein Nasr bahawa pertembungan yang wujud antara konotasi dialog dan dakwah disebabkan ia mengandungi kecenderungan idea untuk menukarkan semua pihak kepada agamanya. Justeru, Nasr mencadangkan dialog dalam konteks dakwah perlu dilihat dalam skop yang lebih meluas dan bersifat sejagat (Ataullah Siddiqui, 1997). Bahkan dakwah itu sendiri pada dasarnya merujuk kepada 'ajakan' tanpa wujudnya unsur paksaan untuk 'menukar' kepercayaan pihak lain. Menekankan lagi kepada maksud dakwah yang bukan bersifat paksaan, Ismail al-Faruqi (1982) dalam artikelnya yang berjudul *on the Nature of Islamic Da'wah* menjelaskan:

*'Calling' is certainly not coercing. Allah SWT has commanded 'No coercion in religion (2: 256), It is an invitation whose objective can be fulfilled only with the free consent of the called. Since the objective is an exercise by the called of his own judgement that Allah is his Creator, Master Lord and Judge, a force judgement is a contradictio in adjecto and hence punishable with jahanam. Humanistic ethic regards coerced da'wah as a grave violation of a human person, secondly only to homicide, of not equal to it. That is why the Holy Quran specified the means of persuasion to be used. "Argue the cause with them (the non-Muslim) with the more comely argument" (16: 125). If they not conceived, they must be left alone.*

Kenyataan Profesor Pengajian Islam dari Universiti Temple di atas jelas menggambarkan bahawa dakwah adalah bukan suatu yang bersifat paksaan. Ia adalah suatu seruan yang hanya boleh disempurnakan dengan persetujuan. Hal ini demikian kerana paksaan itu secara norma menyalahi etika kemanusiaan. Justeru itu, al-Quran menekankan kepada seruan dan ajakan kepada perkataan yang sama (*common word*). Sekiranya seruan itu tidak diterima, maka mereka perlu dibiarkan, tidak dengan usaha-usaha lain yang dianggap sebagai suatu bentuk paksaan. Pandangan yang sama dinyatakan oleh Mamoud Ayoub, bahawa konsep dialog adalah lebih dari menukarkan agama (*conversion*), ia menuntut kerjasama untuk persamaan persefahaman yang lebih baik dan pada masa sama masing-masing mengekalkan ciri keagamaan (Fletcher, 2008).

Memurnikan kedua-dua pandangan ini, Islam pada dasarnya menekankan kepada dakwah. Justeru konsep dialog adalah sebahagian darinya. Namun, wujudnya kekeliruan dalam kalangan sebahagian umat Islam yang menganggap bahawa dakwah dalam dialog adalah semata-mata untuk menukarkan kepercayaan penganut agama lain kepada Islam. Hal ini menyebabkan konotasi dakwah itu dilihat sebagai suatu bentuk paksaan, walhal ia hanya bersifat seruan semata-mata (Al-Faruqi, 1982). Realiti ini diperjelaskan lagi oleh Mohammad Said Mitwally Ibrahim (2010) dalam karyanya yang berjudul *Interfaith Dialogue: a Muslim Legal Perspective on its Validity, Concept and Practices*, iaitu:

*"Many Muslims participate in multi and inter faith dialogues for purposes of propagating Islam, providing clear understanding about its tenets and sometimes for the sake of securing their interests in countries where they live in as minorities. Such participations necessitate exchange of visits, holding common prayers or even joint participation in demonstrations and forming coalitions. For some Muslims such practices conflict with the basic tenets of Islam while for others such activities provide a sizable opportunity to present Islam as a religion of tolerance that supports coexistence and spreading peace around the world."*

Sehubungan dengan itu, maksud dakwah itu perlu disejagatkan lagi dengan tidak hanya merujuk kepada seruan untuk memeluk Islam semata-mata. Hal ini demikian kerana ia mungkin mengundang perasaan kurang senang dalam kalangan penganut agama lain selain dari timbulnya persepsi bahawa dakwah dalam dialog merupakan suatu bentuk paksaan. Oleh yang demikian, dalam membina persefahaman dan hubungan yang baik antara penganut agama, pendialog perlu berusaha untuk mengelakkan untuk membincangkan isu-isu yang bersifat sensitif khususnya melibatkan soal kepercayaan. Hal ini demikian kerana ia dianggap sebagai salah satu metode untuk menyebarkan ajaran agama kepada penganut agama lain dengan tujuan menukar kepercayaan seseorang, sebaliknya perlu ditumpukan kepada isu-isu kebersamaan dan sejagat khususnya dalam berkongsi nilai-nilai murni yang terdapat dalam setiap agama.

Hubungan antara dialog dengan tuntutan agama selari dengan item 'semakin komited seseorang terhadap agamanya, semakin tinggi tahap menghormati agama lain' ( $M = 4.22$ ) dan item, 'dialog antara agama bertujuan untuk memupuk sikap menghormati kepercayaan dan amalan agama lain' ( $M = 4.25$ ). Hal ini ada benarnya jika merujuk kepada pandangan Kamaruddin Abdullah bahawa tujuan dialog adalah untuk membina rasa hormat antara pelbagai penganut agama. Menurut Ramli Awang (2008) dengan adanya dialog, kerjasama dan saling mendengar persoalan dan ajaran yang terkandung dalam ajaran orang lain disertai dengan sikap keterbukaan dan persefahaman menjadi pemangkin kepada rasa hormat antara pelbagai agama. Justeru, sejumlah sarjanawan seperti Yankelovich (1999), Swidler (2010) dan Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., (2011) menekankan rasa hormat sebagai salah satu elemen yang penting dalam sesebuah dialog.

Seterusnya pada item, 'dialog antara agama menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional' yang mencatatkan tahap persetujuan responden adalah tinggi ( $M = 4.28$ ). Ia selaras dengan kenyataan Kamaruddin Abdullah bahawa dialog dapat membina perpaduan dalam masyarakat dalam menghadapi sebarang jurang perbezaan sesama mereka. Kefahaman ini ada asasnya jika merujuk kepada implikasi daripada pelaksanaan sesebuah dialog dengan baik, malah jika merujuk kepada tujuan dialog itu sendiri. Antara lainnya menurut Ramli Awang (2008) adalah untuk membangunkan masa depan yang damai dan harmoni melalui komitmen yang tinggi dan sikap saling menghargai atas kepelbagaian agama. Melalui aktiviti dialog, integrasi dapat dibina dalam pelbagai penganut agama. Demikian juga menurut Azizan Baharuddin (2008) bahawa budaya dialog perlu disuburkan bagi memperkukuhkan jalinan perpaduan dan integrasi nasional yang merupakan kunci kelangsungan dan kemapanan sesebuah negara. Di sini dapat disimpulkan bahawa tahap responden pada peranan dialog dalam menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional adalah tinggi.

Bagi item, 'program dialog antara agama terbuka kepada semua' juga menunjukkan persetujuan yang tinggi ( $M = 4.35$ ) daripada responden IPSI. Hal ini selaras dengan ajaran agama, khususnya Islam itu yang menekankan supaya menghormati ajaran agama lain supaya wujud keharmonian antara perbezaan yang wujud. Hal ini demikian kerana program yang diadakan oleh IPSI adalah bersifat terbuka kepada semua pihak dan lazimnya ia adalah terdiri daripada golongan profesional dan masyarakat awam yang berminat. Selain itu, suasana pada hari ini bahkan sejak dahulu melihat dialog merupakan suatu keperluan dalam memastikan kestabilan masyarakat beragama terus berlangsung dengan baik, apatah lagi dengan kewujudan anasir-anasir tertentu yang berselindung dibalik nama agama untuk melakukan tindakan provokatif yang tidak bertamadun. Keterbukaan program dialog dapat dibahagikan kepada dua aspek, iaitu terbuka kepada semua pihak sebagai peserta dan terbuka kepada semua untuk turut berdialog. Dalam aspek keterbukaan kepada sebagai peserta, penyelidik secara peribadi bersetuju bahawa program dialog seharusnya bersifat terbuka kepada semua pihak dalam mendengar pandangan para sarjanawan agama berhubung dengan sesuatu isu. Hal ini sesuai dengan kenyataan Syed Farid Alatas (2008) bahawa dialog antara agama sebagaimana pada hari ini bukanlah hak mutlak kepada ahli teologi. Hal ini demikian kerana peranannya perlu dimainkan oleh setiap pihak, khususnya golongan intelektual dan pertubuhan dalam masyarakat awam. Dalam erti kata lain, setiap pihak perlu dilibatkan dalam program dialog agar terbina persefahaman dalam kalangan mereka. Ini adalah bagi memurnikan kembali sikap prejudis dan stereotaip terhadap sesebuah agama, disebabkan faktor-faktor yang tertentu, khususnya propaganda media barat.

Oleh yang demikian, Ramli Awang (2008) mencadangkan bahawa dengan penggabungan sinergi dialog yang khusus untuk golongan agamawan dan masyarakat bawahan, dapat menghasilkan solusi kepada konflik antara penganut agama. Selain itu, keterbukaan dalam program dialog memerlukan kepada syarat-syarat tertentu, khususnya bagi pihak yang hendak berdialog. Antara syarat yang utama adalah mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dalam bidang perbandingan agama dan kemahiran berdialog. Syarat ini turut ditekankan oleh para sarjana, umpamanya Ahmad Zamri (1994) dalam karyanya *al-Himār: Adābubūwa Dawābitubu fi Daw' al-Kitāb wa al-Sunah* meletakkan keutamaan ilmu kepada setiap pihak dalam berdialog. Demikian juga Sayyid Muhammad Tantawi (1994), Syahin (1996) dan al-Syathari (2006) yang kesemuanya menekankan kepada kepentingan ilmu dalam dialog. Hal ini supaya proses dialog dapat berjalan seperti mana objektif yang dikehendaki dan tidak tersasar dari tujuan asal.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kefahaman responden dari IPSI dalam dialog antara agama secara keseluruhannya berada pada tahap yang baik. Walaupun pada dasarnya IPSI menekankan dialog adalah sebagai suatu metode dakwah, iaitu bertujuan mengajak penganut agama lain menerima Islam sebagai agama anutan, IPSI turut melihat dialog sebagai suatu pendekatan dalam membina persefahaman antara kepelbagaian pandangan antara penganut agama. Dengan demikian, salah faham dan rasa prejudis dapat dihilangkan melalui pelaksanaan dialog yang baik. Selaras dengan itu, IPSI menekankan kepentingan untuk berdialog dalam kalangan ahli pertubuhan melalui pelbagai bentuk dan pendekatan. Selain itu, kefahaman ini diterapkan kepada ahli pertubuhan dengan maklumat tertentu, sama ada melalui seminar, bengkel dan kelas yang dianjurkan. Kefahaman ini sewajarnya diperluaskan dalam kalangan masyarakat di segenap peringkat bagi memastikan pembudayaan dialog antara agama dalam kalangan masyarakat dapat dilaksanakan menurut kefahaman yang tepat.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil dapatan projek penyelidikan yang bertajuk Dialog Antara Agama: Epistemologi Pendekatan dan Amalan dalam kalangan NGO Islam Malaysia (GPP-2011-010) yang dijalankan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaya.

## RUJUKAN

- Ahmad Zamri, & Yahya bin Muhammad Hasan. (1994). *Al-Hiwār: Ādābuhūwa Dawābituhū fī Daw' al-Kitāb wa al-Sunah*. Dar al-Tarbiyahwa al-Turath: Makkah.
- al-Faruqi, Isma'il. (1982). On the Nature of Islamic Da'wah dalam *Christian Mission and Islamic Da'wah* (33-51). Leicester: The Islamic Foundation.
- al-Qasim, Khalid b. Abdullah. (1994). *Al-Hiwārma' aabl-Kitāb: Ususuhūwa Manābijuhū fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Dar al-Muslim: Riyadh.
- al-Syathari, Sa'id bin Nasir. (2006). *Adab al-Hiwār fī Islām*. Dar Kanz Isybilia: Riyadh.

- al-Zayn, Muhammad Bassam Rashdi. (1995). *Al-Muʿjam al-Mufabris Limāʾānī al-Qurʾān Al-ʿAdhīm*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ashki, Miriam Sabirah. (2006). *Islamic Approaches and Principles of Dialogue*. Salam Institute for Peace and Justice: Ttp.
- Azizan Baharuddin. (2008). Peranan Dialog Peradaban di dalam Wacana Tamadun Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 1, 1-14.
- Fletcher, C. D. (2008). *Ismaʿil Al-Faruqi (1921-1986) and Inter-Faith Dialogue: The Man, the Scholar, the Participant*. Tesis Doctor of Philosophy. The Institute of Islamic Studies, McGill University.
- Garfinkel, R. (2004). Special Report United States Institute of Peace. *What works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs*.
- Ghazali Basri. (2009). Pengalaman Lalu. Cabaran Semasa dan Prospek dalam *Dialog Antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue Universiti of Malaya.
- Ibrahim, Mohammad Said Mitwally. (2010). *Interfaith Dialogue: A Muslim Legal Perspective on Its Validity, Concept and Practices*. Insights: Muslim non-Muslim Relations 3(1): 93-126.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. (2010). *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective*. International Islamic University Malaysia: IIUM Press.
- Kamaruddin Abdullah. (2012). Temu bual, 7 September.
- Leukel, P. S. (2010). Buddhist-Muslim Dialogue. Observations and Suggestions from a Christian Perspective. *The Muslim World*, 100, 349-363.
- Mohamed Sirajuddin Mohamed Kamil. (2012). Temu bual, 7 September.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail, & Nor Hayati Mohd Dahlal. (2011). Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91-110.
- Ramli Awang. (2008). *Dialog Antara Agama Menurut Perspektif al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.

- Siddiqui, Atallah. (1997). *Christian - Muslim Dialogue in the Twentieth Century*. London: Macmillan Press LTD.
- Swidler, L. (2010). Freedom of Religion and Dialogue: Moving Globalization from Destruction to Construction dalam K. S. Nathan (e.d) *Religious Pluralism in Democratic Societies*. Kuala Lumpur: Malaysian Association for America Studies.
- Syed Farid Alatas. (2008). *An Islamic Perspective on the Commitment to Inter-Religious Dialogue*. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic studies (IAIS).
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (2008). *Adab Dialog dalam Islam*. Terj. Mohd Nor Mamat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Tveit, O. F. (2007). *When Believers Meet: A Study Guide on Interreligious Dialogue*. Oslo: Church of Norway Council on Ecumenical and International Relations.
- Yankelovich, D. (1999). *The Magic of Dialogue: Transforming Conflict into Cooperation*. Nicholas Brealey Publishing: London.